

U B339 DEB
MAHATHIR - KASSIM R R R

BUTTERWORTH, 26 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI ENGGAN MENGULAS DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI BUKU, +HADIS: SATU PENILAIAN SEMULA+ KARANGAN ENCIK KASSIM AHMAD.

BELIAU SETAKAT BERKATA SEBARANG TINDAKAN MENGHARAMKAN BUKU TERSEBUT HENDAKLAH DIBUAT BERDASARKAN ASAS YANG SAMA, IAITU JIKA IA DIHARAMKAN KERANA MEMECAHBELANKAN ORANG-ORANG ISLAM, MAKA ORANG-ORANG YANG MEMECAHKAN MASYARAKAT ISLAM HARUSLAH JUGA +DIHARAMKAN+.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN APABILA DITANYA PERANAN UMNO DALAM SOAL ITU BERIKUTAN ADANYA PENDAPAT BAHAWA JIKA UMNO TIDAK BERUSAHA MENGHARAMKAN BUKU ITU BERERTI UMNO MERESTUINYA.

BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI PUSAT INSAF DIRI, BUKIT MERTAJAM DI SINI DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA UMNO TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENGHARAMKANNYA TETAPI BELIAU PERCAYA UMNO TIDAK MENERIMA BUKU TERSEBUT.

ENCIK KASSIM IALAH BEKAS Pengerusi Partai Sosialis Rakyat Malaysia dan beliau diterima menjadi anggota UMNO baru-baru ini.

PERDANA MENTERI BERKATA SETAKAT INI BAHAGIAN AGAMA JABATAN PERDANA MENTERI SUDAH MEMBUAT BEBERAPA CADANGAN MENGENAI TINDAKAN YANG HARUS DIAMBIL TERHADAP BUKU ITU KEPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI. -- LAGI.

1756MST 26 06 86

U B340 DEB
MAHATHIR - KASSIM 2 BUTTERWORTH R R R

KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU SUDAH MEMBACA BUKU ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU HANYA MEMBACA SINOPSISNYA DALAM AKHBAR.

MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM, PERDANA MENTERI MASIH MEMBISU MENGENAI TARIKH IA AKAN DIADAKAN.

DITANYA SAMA ADA PILIHAN RAYA UMUM ITU AKAN BERLANGSUNG SEBELUM BAKAL-BAKAL HAJI KE MEKAH, BELIAU BERKATA IBADAT HAJI LEBIH BESAR DARIPADA MENGUNDI.

MENGENAI MANIFESTO BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMUMNYA IA BERASASKAN KEINGINAN UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT. -- BERNAMA.

1759MST 26 06 86